

# FIKIR SEBELUM PINJAM

Fahami ciri produk dalam buat keputusan

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bharian.com.my

**F**AEDAH ialah caj yang dikenakan ke atas wang yang dipinjam atau keuntungan yang diperoleh daripada wang yang didepositkan. Kadar faedah yang dikenakan atas pinjaman adalah ukuran risiko yang diambil pemberi pinjaman.

Semakin tinggi risikonya, maka semakin tinggi kadar faedah yang dikenakan. Biasanya, ada tiga jenis kadar faedah yang ada di pasaran. Ini termasuk:

■ **Kadar sama rata**: Faedah dikira berdasarkan jumlah asal nilai pinjaman sepanjang tempoh pinjaman.

■ **Kadar tetap**: Faedah dihitung berdasarkan baki pinjaman semasa pada kadar faedah yang tidak berubah-ubah sepanjang tempoh pinjaman.

■ **Kadar terapung**: Faedah dihitung berdasarkan baki pinjaman semasa, dengan kadar faedah bersandarkan pada indeks atau kadar asas. Kadar ini boleh berubah-ubah sepanjang tempoh pinjaman. Indeks atau kadar asas faedah yang paling biasa digunakan ialah Kadar Pinjaman Asas (KPA)

Faedah kadar sama rata biasanya adalah lebih tinggi atau mahal. Ia dihitung di atas jumlah asal pinjaman yang dibuat dan dikenakan sepanjang tempoh pinja-



man. Sebaliknya, faedah kadar tetap dan kadar terapung pula dikira berdasarkan baki pinjaman semasa.

## Memahami faedah kompaun

FAEDAH kompaun pada dasarnya seperti faedah biasa. Ia dikira ke atas pinjaman pokok dan faedah terkumpul. Pengiraan faedah adalah secara tahunan, bulanan dan harian.

Kesan faedah lebih ketara mengikut kekerapan pengiraan faedah kompaun. Faedah kompaun juga boleh diibarat sebagai pedang bermata dua, iaitu sesuatu yang boleh mendatangkan kebaikan dan keburukan.

Selain memberikan pulangan pelaburan yang lebih tinggi, faedah kompaun juga menyebabkan caj faedah yang lebih banyak jika ada kelewatan dalam pembayaran balik pinjaman atau hutang kad kredit.

Amalan ini biasanya digunakan dalam pengiraan hutang kad kredit yang anda akan pelajari dalam bab seterusnya dan juga dalam pengiraan pinjaman perumahan.

## Garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai ketelusan dan penzahiran produk

MENYEDARI pentingnya penzahiran yang mencukupi lagi berkesan kepada pengguna dan penyedia khidmat kewangan, BNM mengeluarkan Garis Panduan Mengenai Ketelusan dan Penzahiran Produk.

Garis panduan ini membantu meningkatkan piawaian penzahiran untuk produk kewangan runcit dan bertujuan membantu pengguna membuat keputusan bijak melalui penzahiran yang bermakna dan tepat pada masanya.

Menerusi garis panduan ini, BNM memerlukan penyedia perkhidmatan kewangan untuk memaklumkan semua ciri produk kewangan runcit untuk membantu pelanggan membuat keputusan kewangan bijak.


Anda dinasihat meminta dan memahami ciri produk sebelum membuat sebarang keputusan untuk menerima mana-mana kemudahan pinjaman.



## INFO

### Rumusan POWER

- Meminjam untuk memenuhi keperluan dan bukan kehendak atau meminjam untuk tujuan produktif saja
- Meminjam mengikut kemampuan - hadkan nisbah hutang kepada pendapatan tidak melebihi 40 peratus
- Apabila meminjam, fahami tiga peraturan meminjam iaitu tujuan pinjaman, keupayaan membayar balik dan sejarah pembayaran
- Fahami jenis kadar faedah dan kesan terhadap keseluruhan kos pinjaman
- Ketahui risiko sebelum menjadi seorang penjamin kerana jika peminjam gagal membayar balik pinjaman, maka anda adalah orang yang akan bertanggung jawab



ANDA mengidap masalah kewangan dan ingin mendapatkan nasihat AKPK melalui Kolum Bajet Bijak? Sila hantar kemusyuhilan anda melalui e-mel ke alamat [bmtinggi@bharian.com.my](mailto:bmtinggi@bharian.com.my) untuk diteliti dan dianalisa. Keenakutan AKPK, Ujisan AKPK serta coalan anda akan diterbitkan di Kolum Bajet Bijak.

Info